

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN LITERATURE**

#### **2.0 Pendahuluan**

Dalam bab ini perbincangan akan ditumpukan kepada kajian oleh pengkaji terdahulu tentang PUM dan penemuan yang telah diperolehi oleh mereka. Setakat ini tidak banyak terdapat kajian berkaitan dengan pelaksanaan PUM sama ada di dalam negara atau pun di luar negara kerana PUM ini adalah merupakan satu perkara baru kepada pengkaji. Berdasarkan beberapa kajian yang telah dilakukan memang terdapat terdapat penemuan yang signifikan tentang hasil kajian pengkaji...Penemuan tersebut pula boleh menjadi asas kajian kepada pengkaji lain yang berminat dalam bidang ini.

#### **2.1 Perubahan sikap melalui aktiviti PUM**

Keusahawanan sering dikaitkan dengan sikap positif yang ada pada seseorang individu yang digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang individu tersebut hadapi secara berkesan. Oleh itu terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan pelaksanaan PUM telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam usaha mereka untuk mencari jawapan kepada kajian mereka. Barjoyai Bardai (1993) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam kajiannya ke atas latar belakang peserta PUM di sekolah menengah menyatakan bahawa para pelajar peringkat remaja perlu diberi pendedahan kepada dunia keusahawanan kerana ciri remaja mereka yang sangat ingin tahu tentang sesuatu perkara baru dan berkeupayaan untuk mencapai matlamat penglibatannya. Penerapan ciri keusahawanan kepada para remaja yang sedang menuntut di peringkat sekolah menengah sebenarnya sudah menjadi keperluan kerana

ciri keusahawanan yang diterapkan kepada diri mereka kearah sifat positif pada akhirnya akan menjadikan mereka pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sahsiahnya. Pembelajaran tidak terhad kepada pembelajaran fakta dan maklumat sahaja. Ia melibatkan juga pembentukan sikap, minat dan apresiasi (Robert M.W. Travers, 1955).. Oleh itu penglibatan pelajar dalam PUM juga adalah merupakan proses pembelajaran. kerana ianya membabitkan perubahan sikap pelajar yang menyertai PUM.

Calvin A. Kent (1990) menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan diperkenalkan di sekolah menengah dengan tujuan supaya pelajar mendapat kesedaran tentang kewujudan usahawan dalam masyarakat sejak dahulu lagi sehingga sekarang dan akan berterusan sehingga ke masa hadapan. Para pelajar pada peringkat ini perlu didedahkan kepada dunia keusahawanan dan menarik mereka untuk melihat usahawan sebagai peluang kerjaya yang luas. Pendidikan keusahawanan yang dijalankan sekarang hanya memberikan pengetahuan kepada mereka untuk menjadi pengurus. Pengurus hanya melakukan perkara yang kurang mencabar berbanding dengan usahawan. Untuk menjadi usahawan mereka perlu mempunyai kemahiran dan sikap tertentu yang terdiri daripada kemahiran teknikal dan kemahiran pengurusan. Manakala kemahiran pengurusan itu sendiri mencakupi berbagai bidang seperti kewangan, komunikasi inter-personal dan tindakan berorientasikan pencapaian matlamat. Menerusi PUM para pelajar akan didedahkan kepada pendekatan-pendekatan baru, menggunakan kaedah baru yang dapat menghasilkan produk yang lebih banyak dengan sumber sedia ada. Seterusnya PUM akan melatih pelajarnya

memberi pengiktirafan kepada pengusaha-pengusaha yang telah berjaya melaksanakan pengurusan yang inovatif.

Rogayah Md. Zain ( 1994 ), dalam kajiannya tentang keberkesanan peningkatan motivasi dan minat terhadap keusahawanan dikalangan pelajar PUM sekolah menengah di tiga buah sekolah menengah (Sek. Men. Agama Maahad Hamidiah, Kajang, Sek. Men Gombak Setia dan MRSM Kem Terendak) mendapati peningkatan minat berniaga dari segi amalan dan motivasi pelajar adalah signifikan dan PUM dianggap berjaya menerapkan nilai keusahawanan dikalangan pelajar sekolah menengah.

Mohd. Amir Sharifuddin ( 1993 ), dalam laporan penilaian pelaksanaan PUM di sekolah menengah merumuskan mengenai kreativiti dan inovatif pelajar, kesan persekitaran budaya niaga dan kesan PUM atas sekolah secara keseluruhan mendapati kesannya adalah signifikan iaitu tahap kreativiti dan inovatif para pelajar telah meningkat dengan ketara dan budaya niaga pula telah terserlah kewujudannya di sekolah yang dikaji.

Dalam satu kajian PUM yang lain tentang latar belakang dan budaya niaga dikalangan ahli PUM, Zulkifli Senteri ( 1994 ) menyatakan dapatan kajiannya mengenai sejauh mana budaya niaga telah wujud dikalangan pelajar yang telah menyertai PUM mendapati sifat budaya niaga masih lemah kewujudannya di sekolah yang dikaji. Ini berlaku kerana mereka tidak pernah terdedah kepada persekitaran perniagaan sebelum menyertai PUM dan mereka juga kurang mendampingi usahawan. Walau bagaimanapun mereka mempunyai minat yang boleh dididik untuk menjadi usahawan.

Menurut Barjoyai Bardai (1994) dalam satu kajian mengenai kreativiti, keusahawanan dan kepintaran dikalangan peserta PUM mendapati bahawa para peserta PUM mempunyai minat yang tinggi untuk menjadi usahawan. PUM dianggap sebagai satu cara untuk mereka mempersiapkan diri sebelum mereka melangkah menjadi usahawan sebenar.

PUM adalah satu program pendidikan yang telah lama diperkenalkan di Amerika Syarikat, Canada, Great Britain dan lain-lain negara dengan berbagai nama. Misalnya di Amerika Syarikat dan Canada dikenali dengan nama Junior Achievement Programme dan di Great Britain dikenali dengan nama Young Entrepreneurs Programme. Walaupun nama-nama program di sesebuah negara dengan negara yang lain adalah berbeza tetapi objektif pelaksanaan program adalah sama iaitu untuk menerap ciri keusahawanan dan sikap positif dikalangan remaja diperingkat sekolah menengah.

Berdasarkan program Junior Achievement di Amerika Syarikat dan Canada dan Program Young Entrepreneurs di United Kingdomlah PUM digubal dan dilaksanakan di Malaysia dengan beberapa pengubahsuaian mengikut keperluan setempat. Pada akhirnya ciri keusahawanan yang diterap tersebut akan menjadikan seseorang pelajar lebih bersikap positif berbanding dengan sebelum mereka menyertai program tersebut. Ketrampilan yang telah para pelajar perolehi melalui aktiviti PUM tersebut akan dapat mereka gunakan dalam proses pembelajaran harian mereka yang pada akhirnya akan menjadikan mereka pelajar yang cemerlang dalam pelajarannya.

Bagi menerapkan sikap positif kepada pelajar secara terancang maka melalui

aktiviti PUM adalah salah satu daripada caranya. Melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti PUM akan menjana idea perniagaan yang bakal mereka jalankan. Dalam proses menjana idea perniagaan tersebut, GPP boleh merancang untuk menerapkan sikap positif seperti berfikiran terbuka, menilai sesuatu perkara secara objektif, mengambilkira faktor kos yang terlibat ( kewangan dan bukan kewangan ), merancang dengan cekap dan **sebagainya**. PUM akan mendedahkan kepada para pesertanya tentang konsep keusahawanan, ciri keusahawanan, peranan usahawan dan berbagai aspek keusahawanan lain. Ini akan membolehkan para pelajar memahami bahawa keusahawanan memang tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan seharian mereka. Malahan dalam pembelajaran seharian mereka pun sebenarnya mereka sentiasa terdedah kepada aspek keusahawanan. Setelah mereka diperkenalkan dengan konsep keusahawanan, para pelajar akan dibuka minda mereka agar terdorong untuk bekerja sendiri dan bukannya mengharap orang lain mencipta peluang kerja kepada mereka. Proses ini adalah merupakan proses pembelajaran yang rumit yang perlu dilakukan oleh GPP yang mahir dan dilakukan secara berterusan.

Setelah pelajar berjaya mencetuskan idea perniagaan yang boleh dilaksanakan, para pelajar merealisasikan idea perniagaan mereka. Pada peringkat ini peranan GPP sangat penting untuk menerapkan seberapa banyak sikap positif kepada pelajar bimbingan mereka. Ini kerana setiap langkah untuk melaksanakan idea perniagaan mereka perlu mengamalkan sikap keusahawanan,

Berdasarkan pengalaman dalam aktiviti perniagaan yang para pelajar jalankan, mereka akan memperolehi pengalaman yang sangat berguna semasa

melaksanakan idea perniagaan. Mereka kemudiannya akan mengaplikasikan sikap positif yang mereka perolehi semasa menjalankan aktiviti PUM ke dalam sebarang aktiviti pembelajaran harian yang mereka lalui. Pada akhirnya menjadikan pelajar tersebut mampu bersaing untuk terus hidup dalam kerjaya yang mereka ceburi pada masa hadapan. Pada akhir aktiviti PUM, para pelajar akan dapat mempelajari sesuatu yang penting dalam hidup mereka iaitu mereka boleh berjaya mencapai impian hidup mereka jika matlamat yang ingin dicapai ditentukan dengan jelas. Perancangan untuk mencapai objektif dilakukan dengan teliti seperti mengenal pasti perkara yang boleh membantu mencapai matlamat dan mengenal pasti perkara yang boleh menghalang pencapaian matlamat tersebut.

## **2.2 Peranan PUM**

PUM yang dilaksanakan kepada pelajar sekolah menengah di Malaysia berperanan untuk membina dan menerapkan sikap positif dikalangan pelajar yang menyertainya. Sikap positif tersebut ialah yakin diri, berdikari, perancang yang baik, pemimpin yang berkaliber, penyelesaian masalah yang berkesan, kreatif, berani menampilkan diri di khalayak ramai, berkomunikasi dengan berkesan, inovatif dan fleksibel. Ketrampilan diri yang telah dibentuk tersebut kemudiannya dipraktikkan oleh mereka dalam proses pembelajaran mereka di sekolah. Untuk mengetahui sama ada matlamat pelaksanaan proses pembelajaran telah dicapai maka penilaian harus dilakukan ke atas pembelajaran tersebut. (H.H. Remmers, N. L. Gage & J. Francis Rummel (1965). Keputusan yang diperolehi akan membantu para guru untuk memperbaikinya. Begitu juga pelaksanaan PUM di MRSM. Proses pembelajaran yang disokong oleh sikap yang positif diharap akan dapat melahirkan pelajar yang

cemerlang. Pelajar cemerlang ini seterusnya akan memasuki pasaran pekerjaan dan mereka dijangka akan menjadi pekerja cemerlang dalam organisasi pekerjaan yang mereka ceburi. Pencapaian cemerlang organisasi dalam sesebuah negara akan menjadikan pula negara berkenaan cemerlang dimata dunia. Dalam usaha untuk mengukur pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam sesuatu aktiviti pembelajaran, William Wiersma & Stephen G. Jurs, (1990) menyatakan bahawa guru yang terlibat dalam proses penilaian pengajaran akan mengubahsuaikan pengajarannya melalui maklumbalas yang diterimanya. Pengubahsuaian tersebut seterusnya akan memotivasikan pelajar kerana guru berkenaan telah memaksa pelajar mereka bersedia untuk dinilai prestasinya.

### **2.3 Masalah dan cabaran pelaksanaan PUM**

Dalam melaksanakan PUM di MRSM terdapat beberapa masalah dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak penganjur. Masalah yang dihadapi berupa masalah dalaman dan juga masalah luaran. Pada peringkat dalaman sekolah, pihak penganjur PUM menghadapi masalah untuk menyakinkan para guru lain tentang pentingnya menerap nilai dan sikap positif kepada pelajar sebelum boleh mengharap pencapaian cemerlang para pelajar dalam bidang akademik mereka. PUM adalah landasan terbaik untuk menerap nilai positif tersebut. PUM yang dilaksanakan di MRSM masih kurang memberi penekanan kepada matlamat memupuk ciri keusahawanan di kalangan pelajar. Melalui pengalaman secara terus dengan aktiviti perniagaan sebenarnya adalah merupakan 'learning by doing'. Bukti saintifik menunjukkan bahawa proses pembelajaran berlaku lebih pantas. Apresiasi dan kefahaman kepada pembelajaran secara pengalaman ini adalah lebih berkesan

jika dibandingkan dengan kaedah lain. Antara masalah dalaman yang dikenal pasti boleh menghalang pelajar untuk menjadi pelajar cemerlang ialah GPP tidak berupaya merancang pembelajaran dengan sistematik, pelajar tidak tahu mengurus masa dengan baik, peserta PUM bertindak tidak berorientasikan pencapaian, pelajar tidak boleh bekerja sebagai satu pasukan, pelajar tidak yakin dengan kemampuan diri, tidak mampu membuat keputusan dengan bijak dan tepat. Masalah ini sebenarnya boleh diajar untuk diatasi melalui pelaksanaan aktiviti PUM di sekolah berkenaan.

Bagi menjayakan sesuatu program pembelajaran di sesebuah sekolah, sokongan warga sekolah yang lain terutama sekali pentadbir adalah amat penting. Dalam pelaksanaan PUM, didapati bahawa PUM yang dilaksanakan di MRSM mendapat sokongan kuat daripada pentadbirnya (Pengetua, Penolong Pengetua), PUM dapat dijalankan dengan baik dan lancar. Manakala pelaksanaan PUM di sekolah yang kurang mendapat sokongan pentadbirnya maka pelaksanaan PUMnya adalah ibarat hidup segan mati tidak mahu. dan gagal mencapai objektif pelaksanaannya. Pihak pentadbir sekolah sebenarnya boleh membantu pelaksanaan PUM dalam banyak aspek, misalnya melantik GPP yang boleh memberi inspirasi untuk berjaya kepada pelajar, menyediakan peralatan dengan kadar sewaan yang murah serta kawasan khusus untuk aktiviti PUM yang boleh dinamakan seperti Dataran Usahawan Muda, Sudut PUM dan sebagainya. Ruangan promosi aktiviti PUM, berita kejayaan PUM di sekolah lain sama ada di dalam atau pun di luar negeri boleh diketengahkan untuk menjadi satu bentuk peneguhan kepada pelajar yang menyertai PUM di MRSMnya.



Disamping masalah dalaman sekolah, masalah luaran juga wujud dalam melaksanakan PUM di sekolah-sekolah. Antaranya ialah kurangnya bimbingan dan pemantauan yang konsisten oleh pihak atasan telah menyebabkan PUM dilaksanakan secara tidak tersusun. Contohnya dalam aspek memilih dan melantik guru pembimbing. Guru pembimbing biasanya akan menerima latihan atau bimbingan daripada perunding/jurulatih tertentu untuk mengendalikan PUM sebelum diberi peluang membimbing pelajar PUM. Jurulatih ini perlu sentiasa membuat lawatan berkala ke sekolah dimana PUM dilaksanakan. Ini bagi membolehkan guru-guru pembimbing mendapatkan khidmat nasihat berkaitan dengan pelaksanaan PUM secara berterusan. Apa yang berlaku ialah guru pembimbing dilantik tanpa berasaskan cirri tertentu. Kesannya ialah mereka tidak mampu membimbing pelajar PUM dengan berkesan.

#### **2.4 PUM Mempertingkatkan pencapaian pelajar**

Menurut Calvin A. Kent (1990), program pendidikan keusahawanan yang berkesan ialah program yang tidak memfokuskan kepada jawapan yang betul tetapi yang memfokuskan kepada jawapan baru yang lebih baik. Seterusnya beliau menyatakan bahawa PUM yang berasaskan aktiviti dan berorientasikan tindakan akan memberi peluang kepada pelajar melakukan aktiviti sendiri, tidak bersikap pasif, memberitahu mereka bahawa mereka perlu rajin, perlu bekerja kuat untuk berjaya dan ianya melibatkan tenaganya. Apabila kesedaran ini wujud pada diri seseorang pelajar ianya akan dapat memandu pelajar berkenaan untuk dilaksanakan dalam semua aktiviti hariannya termasuk aktiviti pembelajaran.

PUM yang dilaksanakan dengan berkesan akan dapat mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar yang menyertainya. Ini berlaku kerana para pelajar boleh mengaplikasikan apa yang mereka pelajari semasa menjalankan aktiviti PUM ke dalam aktiviti pembelajaran harian mereka. Contohnya bagaimana mereka memikirkan idea untuk belajar secara berkesan, bagaimana mereka boleh menggunakan sumber pembelajaran dip persekitaran mereka secara optima, menggunakan kemahiran pembelajaran yang mereka ada dan sebagainya. PUM akan melatih pelajar untuk mengurus masa dengan baik, membuat keputusan dengan bijak berkomunikasi dengan berkesan dan sebagainya yang mana jika diaplikasikan dalam aktiviti pembelajaran para pelajar ianya akan menghasilkan pencapaian pelajar dalam bidang akademik mereka dengan cemerlang.

A. Bakr Ibrahim & Willard H. Ellis (1993) bersetuju dengan pendekatan ciri (trait approach) yang digunakan oleh Mc Clelland dalam membentuk sikap keusahawanan kepada para usahawan. Pendekatan ini memberi penekanan kepada keinginan kepada pencapaian tinggi, kecenderungan mengambil risiko, kreativiti, punca kawalan diri (internal locus of control), tidak suka bergantung kepada orang lain dan tidak mahu dikenali dengan gelaran tertentu.. Ciri yang dinyatakan ini adalah bersesuaian dengan penekanan yang diberi kepada pelajar dalam PUM.

Para pelajar yang menyertai PUM akan dilatih menjadi pengurus masa secara strategik (Ab. Aziz Yusof, 2000) yang mempunyai disiplin diri yang akan membolehkannya mengelak daripada bertindak tanpa berfikir, mengurangkan risiko kewangan dan risiko social, dapat membezakan antara perkara utama yang perlu

penumpuan dengan perkara remeh temeh yang patut dijadikan sampingan dan membolehkan seseorang itu peka dan cepat bertindak terhadap isu yang penting.

## **2.5 Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa aktiviti PUM akan dapat membentuk sikap positif dalam diri pelajar yang menyertainya. Sikap positif yang telah terbina dalam diri para pelajar berkenaan akan memacu mereka untuk mengaplikasikan sikap positif mereka ke dalam aktiviti pembelajaran harian mereka. Sikap-sikap positif yang telah terbentuk pada seseorang pelajar tersebut seterusnya akan mewujudkan motivasi dan dorongan dari dalam diri mereka untuk belajar bersungguh-sungguh dan pada akhirnya akan memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam pembelajaran akademiknya.